

16 MAR 2001

Cuepacs-Setinggal

CUEPACS KAJI PEMILIKAN RUMAH KAKITANGAN KERAJAAN

SUNGAI PETANI, 16 Mac (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mendapati ada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional tinggal di kawasan setinggal di Lembah Klang kerana tidak mampu menyewa rumah.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata ini hasil kajian pemilikan rumah di kalangan kakitangan kerajaan yang dijalankannya.

Walaupun jumlah pegawai kumpulan berkenaan amat kecil tetapi penemuan itu mengejutkan pihaknya. kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri seminar pembangunan wanita anjuran Kesatuan Kebangsaan Perkhidmatan Perguruan (NUTP).

"Kita mahu setiap kakitangan kerajaan di seluruh negara memiliki rumah yang selesa. Buat peringkat sekarang kita sedang bekerjasama dengan kerajaan Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menarik keluar kakitangan kerajaan dari kawasan setinggal," katanya.

Siva berkata beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas dan Dr Mahathir memberi perhatian berat mengenai perkara itu.

Beliau berkata kajian yang dijalankan di seluruh negara itu dijangka siap akhir bulan depan dengan objektifnya mendapatkan data mengenai kakitangan kerajaan yang belum memiliki rumah.

Katanya, dengan data berkenaan Cuepacs boleh merangka beberapa cadangan untuk dibawa kepada kerajaan pusat dan negeri.

Bagi menggalakkan kakitangan kerajaan memiliki rumah, beliau mencadangkan beberapa peraturan dirombak.

Antaranya ialah tempoh pengesahan jawatan bagi kakitangan baru yang layak membuat pinjaman perumahan dimansuhkan dan diganti dengan sebaik sahaja seseorang kakitangan dilantik ke jawatan tetap, beliau layak membuat pinjaman.

Beliau berkata tempoh pengesahan selama tiga tahun agak lama sambil berkata beliau akan membawa cadangan itu kepada Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

-- BERNAMA

MZM FAZ